

▼12/10/18-35MST

CNS5480

R GB 12-10 00219 BA175

bah

TUN MUSTAPHA BELUM NYATAKAN MAHU LETAK JAWATAN, KATA DR MAHATHIR

KEMAMAN, 12 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, beliau tidak pernah menerima maklumat daripada sesiapa mengenai ura-ura Menteri Hal Ehwal Saah, Tun Datu Mustapha Datu Harun akan meletakkan jawatan.

Beliau yang enggan mengulas lanjut mengenai laporan akhbar hari ini mengenai soal Mustapha berkata, beliau hanya boleh membuat ulasan jika beliau sendiri diberitahu mengenai perkara itu.

Menurut laporan itu, Mustapha juga menyatakan mahu meletakkan jawatan Timbalan Ketua Perhubungan UMNO Sabah kerana "menganggap jentera parti itu sudah rosak" yang menurutnya berlaku akibat kempen pemilihan dalam parti di peringkat pusat.

Mengenai pemilihan dalam perhimpunan agung UMNO bulan depan, Dr Mahathir yang juga Presiden parti berkata, sesiapa juga boleh bertanding dalam apa juga jawatan, termasuk jawatan Presiden kerana UMNO mengamalkan demokrasi.

Ketika diminta mengulas desas-desus kononnya Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Rafidah Aziz akan turut dicabar, beliau berkata, sesiapa juga boleh bertanding sesuai dengan sistem demokrasi.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas merasmikan loji pengurangan langsung Perwaja Steel Sdn Bhd di sini.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Terengganu kawasan Kampung Raja esok, Dr Mahathir berkata, Barisan Nasional perlu terus menang untuk melaksanakan tanggungjawab pembangunan. -- Bernama

AL NMO

▼12/10/18-31MST